

TUN PERAK JADI PENGHULU DI KELANG

oleh

Haji Buyong Adil

Tun Perak ialah seorang daripada Bendahara kerajaan Melayu Melaka yang termasyhur bijaksananya. Hikayat "Sejarah Melayu" mengatakan: pada zaman beliau itu ada tiga orang besar di Nusantara ini yang setaraf bijaksananya iaitu Patih Aria Gajah Mada di Majapahit, Raja Kenayan di Pasai dan Tun Perak di Melaka. Walaupun perbandingan yang tersebut dalam "Sejarah Melayu" itu boleh dipercayai, tetapi yang Sebenarnya, Patih Aria Gajah Mada di Majapahit itu bukanlah sezaman dengan Tun Perak. Patih Aria Gajah Mada jadi Mangkubumi di Majapahit dari tahun 1331-1364, dan Tun Perak jadi Bendahara di Melaka dari tahun 1456-1498.

Tun Perak telah jadi Bendahara di Melaka selama empat puluh dua tahun, dalam pemerintahan empat orang Sultan-sultan Melaka, iaitu Sultan Muzaffar, Sultan Mansur, Sultan Alauddin dan Sultan Mahmud, dari tahun 1456 (zaman Sultan Muzaffar) hingga tahun 1498 Tun Perak meninggal dunia (zaman Sultan Mahmud).

Tun Perak ialah anak Tun Perpatih Sedang Bendahara yang kedua di Melaka yang bergelar Seri Wak Raja (II). Pada masa Tun Perpatih Sedang meninggal dunia (pada zaman Sultan Muzaffar), beliau meninggalkan tiga orang anak yang telah dewasa: yang tua perempuan bernama Tun Kudu, yang tengah Tun Perak, dan yang

bongsu Tun Perpatih Putih.

Setelah Tun Perpatih Sedang (Seri Wak Rajah II) meninggal dunia, Sultan Muzaffar pun mengangkat Tun Ali, Penghulu Bendahari Melaka yang bergelar Seri Nara Diraja, memangku jawatan Bendahara Melaka. Pada masa itulah juga Tun Kudu kakak Tun Perak itu diperisteri oleh Sultan Muzaffar. Adapun Tun Perak, oleh sebab tiada memegang apa-apa jawatan kerajaan di Melaka, ia pun pergi ke Kelang langsung beristeri dan diam di Kelang.

Tiada berapa lama lepas itu, serombongan orang-orang dari Kelang telah datang ke Melaka mengadap Sultan Muzaffar Syah. Ketua rombongan orang-orang Kelang itu telah menyembahkan kepada baginda iaitu orang-orang Kelang telah memecat Penghulu mereka di Kelang, dan memohonkan supaya baginda menyetujui mereka memilih seorang lain jadi Penghulu mereka di Kelang. Setelah mendengar sembah orang-orang Kelang itu, baginda pun bertanya kepada orang-orang Kelang itu: "Siapa pula yang kamu kehendaki jadi Penghulu kamu di Kelang itu?" Sembah ketua rombongan orang-orang Kelang itu: "Tuanku; jika ada kurnia Tuanku akan patik-patik sekalian, Tun Peraklah patik-patik pohonkan jadi Penghulu patik-patik sekalian di Kelang." Permohonan orang-orang Kelang itu telah dipersetujui oleh Sultan Muzaffar lalu baginda bertitah: "Baiklah;

Tun Peraklah jadi Penghulu orang-orang di Kelang itu." Orang-orang Kelang itu pun balik ke Kelang. Sejak itu mulalah Tun Perak menjawat jawatan Penghulu di Kelang.

Sebenarnya Tun Perak jadi Penghulu di Kelang itu tidaklah lama, kerana pada tahun 1456 itu, masa pemerintahan Sultan Muzaffar itu juga, baginda telah mendengar berita mengatakan angkatan perang Siam (Thai) hendak datang menyerang ke Melaka, sebab sebelum itu Raja Siam yang bergelar Bubunnya (= Boromoraja II?) telah meminta Raja Melaka menyembah ke Siam yakni takluk ke Siam; tetapi Raja Melaka (Sultan Muzaffar) tidak mahu menyembah ke Siam; itulah sebabnya angkatan perang Siam itu datang hendak melanggar negeri Melaka.

Sultan Muzaffar Syah telah menghimpunkan rakyat baginda dari segala teluk rantau daerah takluk Melaka, termasuk Kelang, datang berkumpul ke Melaka dan bersedia hendak melawan serangan orang-orang Siam itu. Tun Perak Penghulu Kelang telah datang membawa orang-orang Kelang, laki-laki dan perempuan sekali datang ke Melaka hendak membantu Melaka melawan Siam.

Apabila orang-orang Kelang sampai ke Melaka, sebelum angkatan perang Siam itu melanggar Melaka, beberapa orang daripada orang-orang Kelang itu telah mengadap Sultan Muzaffar menyembahkan rungutan orang-orang Kelang terhadap Tun Perak Penghulu Kelang itu; kerana Tun Perak telah membawa orang-orang Kelang datang ke Melaka dengan isteri-isteri mereka sekali, pada hal orang-orang dari daerah lain, orang laki-lakinya sahaja yang datang ke Melaka.

Setelah mendengar sembah orang Kelang itu, tidaklah pula Sultan Muzaffar terus bertanya atau menyalahkan perbuatan Tun Perak itu, melainkan baginda telah menyuruhkan seorang Bentara baginda yang bernama Seri Amurta bertanya kepada Tun Perak fasal Tun Perak membawa perempuan-perempuan dari Kelang itu datang bersama-sama dengan orang laki-laki mereka ke Melaka.

Pada suatu hari di balai penghadapan kerajaan Melaka, Tun Perak telah bertikam lidah dengan Seri Amurta yang bertanyakan kepada Tun Perak akan perbuatan Tun Perak membawa perempuan-perempuan Kelang sama datang ke Melaka itu. Mula-mula Seri Amurta bertanya kepada Tun Perak: "Tuan Tun Perak; orang-orang Kelang telah datang mengadap baginda mengadukan hal mereka kepada baginda. Orang-orang dari teluk rantau yang lain semuanya datang ke Melaka orang laki-lakinya sahaja; tetapi tuan datang membawa orang-orang Kelang dengan perempuan-perempuan mereka sekali. Mengapakah bagitu perbuatan tuan?"

Sampai tiga kali Seri Amurta bertanya bagitu baharulah dijawab oleh Tun Perak dengan perkataan secara menyindir dan agak bersajak bunyinya. Tun Perak menjawab: "Hai Seri Amurta; tuan-hamba dengan pedang tuan-hamba sebilah itu juga, hendaklah baik-baik tuan-hamba peliharakan, jangan diberi berkarat, jangan kemakanan matanya. Akan pekerjaan kami orang bekerja ini, mana tuan-hamba tahu? Baginda Raja Melaka yang ada di Melaka sekarang ini bersama-sama dengan perempuan-perempuan anak isteri baginda. Betulkah pada

fikiran tuan-hamba kami dari Kelang yang bagitu jauh datang ke Melaka biarlah datang orang laki-laki sahaja? Sebab pun hamba suruh orang-orang Kelang itu datang ke Melaka dengan membawa anak isteri mereka sekali, ialah dengan tujuan supaya orang laki-laki dari Kelang itu berperang melawan musuh dengan bersungguh-sungguh hati; selain daripada berperang mempertahankan kedaulatan baginda, tentulah mereka akan berperang untuk melindungi anak isteri mereka dengan lebih bersungguh-sungguh lagi." Demikianlah maksud jawapan Tun Perak menjawab pertanyaan Seri Amurta yang hendak menyalahkan perbuatan Tun Perak itu. Apabila jawapan Tun Perak itu disampaikan kepada Sultan Muzaffar, baginda pun tersenyum dan membenarkan kata-kata Tun Perak itu.

Angkatan perang Siam dikepalakan oleh panglima perang Siam bernama Okya Cakra yang datang ikut jalan darat menempuh Hulu Pahang, telah sampai ke Melaka lalu berperanglah orang-orang Siam dengan orang-orang Melaka yang dibantu oleh orang-orang dari daerah-daerah takluk Melaka termasuk orang-orang Kelang juga. Kebetulan pula, kesudahan peperangan itu kalah orang Siam dan mereka pun balik ke negeri mereka semula.

Sejak itu Sultan Muzaffar pun tidak membenarkan Tun Perak balik ke Kelang sebagai Penghulu Kelang, melainkan Tun Perak dititahkan baginda diam di Melaka dan dijadikan Bentara.

Pada masa Tun Perak jadi Bentara itu, ada seorang orang Kelang datang ke Melaka mengadap Sultan Muzaffar berdatang sembah

mengatakan pada masa Tun Perak jadi Penghulu di Kelang, orang itu telah teraniaya sedikit oleh Tun Perak. Mendengar sembah orang Kelang itu baginda pun menyuruh Seri Amurta juga bertanyakan hal itu kepada Tun Perak.

Pada suatu hari di balai penghadapan, Seri Amurta telah bertanya kepada Tun Perak: "Tuan Tun Perak; orang Kelang ini telah mengadukan halnya kepada baginda mengatakan dirinya telah teraniaya oleh Tun Perak. Mengapakah demikian pekerti tuan-hamba?" Setelah tiga kali Seri Amurta bertanya demikian itu, baharulah Tun Perak menjawab dengan perkataan sebagai menyindir juga, katanya: "Tuan Seri Amurta; akan tuan-hamba ini telah dijadikan baginda Bentara, dianugerahi sebilah pedang; pedang sebilah itulah hendaknya tuan-hamba pelihara baik-baik, usahakan, jangan diberi berkarat atau kemakanan mata pedang itu. Pekerjaan hamba orang memegang (memerintah) negeri, mana tuan-hamba tahu? Jikalau negeri yang dipegang itu sebesar tempurung sekalipun besarnya (yakni kecil), negeri juga namanya; mana-mana yang baik pada fikiran hamba, itulah yang hamba kerjakan dalam negeri itu; kerana Yang Di Pertuan tahukan baiknya sahaja pemerintahan di Kelang itu, bukan yang jahatnya" Demikianlah maksud jawapan Tun Perak kepada Seri Amurta, dan jawapan Tun Perak itu telah disembahkan juga kepada Sultan Muzaffar.

Pada masa itu bertambah yakinlah Sultan Muzaffar bahawa Tun Perak itu seorang yang bijak, dan tidaklah patut lagi jadi Bentara; lalu baginda mengangkat Tun Perak jadi Perdana Menteri dan digelar "Paduka Raja".

Apabila Tun Perak jadi Perdana Menteri, bersinggitalah Seri Nara Diraja Tun Ali dengan Tun Perak. Untuk menjauhkan per-singgitan yang boleh merosakkan pertadbiran negeri itu, Sultan Muzaffar pun menceraikan Tun Kudu kakak Tun Perak itu, dan setelah sampai iddahnya, Tun Kudu pun dikahwinkan dengan Seri Nara Diraja Tun Ali yang kebetulan ingin pula beristerikan Tun Kudu. Sejak itu berbaiklah Seri Nara Diraja Tun Ali dengan Tun Perak. Dengan per-mintaan Seri Nara Diraja Tun Ali juga, Sultan Muzaffar pun mengang-

kat Tun Perak jadi Bendahara Melaka bergelar Bendahara Paduka Raja. Sejak itu hingga empat puluh dua tahun lamanya (1456-1498) Tun Perak Bendahara Paduka Raja itulah orang yang terutama me-memainkan peranan dalam politik pertadbiran dan perhubungan luar negeri kerajaan Melayu Melaka itu.

Sekianlah yang didapati kisah Tun Perak jadi Penghulu di Kelang pada zaman Sultan Muzaffar Syah memerintah Melaka, dan Kelang, pada masa itu, ialah sebuah dari-pada daerah takluk Melaka.

